



**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI MELAKA
DALAM NEGERI MELAKA, MALAYSIA
[PERMOHONAN JENAYAH NO: MA-44-8-06/2020]**

ANTARA

MANI ARASAN GANESAN

... PEMOHON

DAN

- 1. PEGAWAI SIASATAN, KEMENTERIAN DALAM NEGERI,
MALAYSIA**
 - 2. PENGUASA PENJARA SIMPANG RENGAM, JOHOR**
 - 3. KETUA POLIS NEGARA MALAYSIA**
- ... RESPONDEN-RESPONDEN**

Didengar Bersama

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI MELAKA
DALAM NEGERI MELAKA, MALAYSIA
[PERMOHONAN JENAYAH NO: MA-44-9-06/2020]**

ANTARA

NAGETHREN SATHIVELAN

... PEMOHON

DAN

1. **PEGAWAI SIASATAN, KEMENTERIAN DALAM NEGERI, MALAYSIA**
2. **PENGUASA PENJARA SIMPANG RENGAM, JOHOR**
3. **KETUA POLIS NEGARA MALAYSIA**
... RESPONDEN-RESPONDEN

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Semua pihak bersetuju bahawa kes MA-44-8-06/2019 (“Kes 8”) dan kes MA-44-9-06/2019 (“Kes 9”) didengar bersama kerana, antara lain, fakta-fakta dan isu-isu terlibat adalah sama.

[2] Perintah Penahanan terhadap Pemohon-pemohon telah dibuat di bawah seksyen 19A(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959.

[3] Perintah Penahanan terhadap Pemohon di dalam Kes 8 adalah untuk tempoh 2 tahun mulai dari 31.10.2019. Perintah Penahanan terhadap Pemohon di dalam Kes 9 adalah untuk tempoh 2 tahun mulai dari 31.10.2019.

[4] Di dalam permohonan-permohonan, Pemohon-pemohon telah memohon, antara lain, perintah-perintah berikut:

- “a. Perintah Tahanan bertarikh 31.10.2019 oleh Responden Pertama di bawah subseksyen 19A(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959 adalah tidak sah dan terbatal kerana terdapat pelanggaran di dalam Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang dijamin di bawah Perlembagaan tersebut dan ketidakpatuhan di dalam penggunaan undang-undang berkaitan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

- b. Suatu *Writ Habeas Corpus* dikeluarkan terhadap pemohon dan pemohon dibebaskan serta-merta daripada tahanan tersebut.”

[5] Bagi permohonan-permohonan Pemohon-pemohon, undang-undang yang terpakai adalah Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Seksyen 25 dan Jadual kepada Akta tersebut memperuntukkan bahawa:

“Section 25(2) Powers of the High Court

(2) Without prejudice to the generality of subsection (1) the High Court shall have the additional powers set out in the Schedule;

Provided that all such powers shall be exercised in accordance with any written law or rules of court relating to the same.”

“Schedule to the CJA 1964

Additional Powers of the High Court

1. Prerogative writs.

Power to issue to any person or authority directions, orders or writs, including writs of the nature of habeas corpus, mandamus, prohibition, quo warranto and certiorari, or any others, for the enforcement of the rights conferred by Part II of the Constitution, or any of them, or for any purpose.”

[6] Sebelum Mahkamah ini menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh Pemohon-pemohon, Mahkamah ini membangkitkan isu sama ada Pemohon-pemohon telah menamakan pihak yang betul sebagai Responden 1.

[7] Di dalam sesuatu permohonan semakan kehakiman termasuk

permohonan untuk *habeas corpus*, pemohon mesti mengenal pasti keputusan yang dicabar dan pihak yang telah membuat keputusan yang dicabar.

[8] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Majlis Perbandaran Pulau Pinang v. Syarikat Bekerjasama-sama Serbaguna Sungai Gelugor Dengan Tanggungan* [1999] 3 CLJ 65 telah memutuskan bahawa:

“It is right to say, at the risk of being trite, that administrative law is much concerned with the legality of procedures leading up to a decision and, of course, of the decision itself. It is therefore a matter of the first importance to correctly identify the decision sought to be impugned. ... Failure to observe these basic requirements could have fatal consequences ...”

[9] Lihat juga: *Sumita Development (M) Sdn Bhd v. Majlis Perbandaran Pulau Pinang & Anor* [2014] 9 CLJ 406 di 425 [49] dan [50] dan *Sumita Development (M) Sdn Bhd v. Majlis Perbandaran Pulau Pinang & Anor* [2016] 1 LNS 414.

[10] Di dalam kedua-dua permohonan, pihak yang telah dinamakan sebagai Responden 1 oleh Pemohon-pemohon adalah “*Pegawai Siasatan, Kementerian Dalam Negeri, Malaysia*”.

[11] Di dalam kedua-dua permohonan, Pemohon-pemohon telah memplid bahawa Perintah-perintah Penahanan yang terlibat dibuat oleh Responden 1.

[12] Di dalam affidavit-afidavit yang telah difailkan bagi menyokong permohonan-permohonan (Lampiran 2 bagi Kes 8 dan Lampiran 2 bagi Kes 9), Pemohon-pemohon menyatakan bahawa Perintah-perintah Penahanan telah di buat oleh “TMDN” (Timbalan Menteri Dalam Negeri).

[13] Adalah jelas daripada suratcara-suratcara yang telah difailkan

bagi pihak Responden-responden bahawa “*Pegawai Siasatan, Kementerian Dalam Negeri, Malaysia*” iaitu Responden 1 bukan pihak yang membuat Perintah-perintah Penahanan yang dicabar oleh Pemohon-pemohon.

[14] Adalah juga jelas daripada suratcara-suratcara yang telah difailkan oleh Responden-responden bahawa Perintah-perintah Penahanan telah dibuat oleh Lembaga Pencegahan Jenayah (“Lembaga”) di bawah seksyen 19A(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959.

[15] Di antara affidavit-afidavit yang telah difailkan bagi pihak Responden-responden, Mahkamah ini mendapati bahawa terdapat 1 affidavit yang telah difailkan oleh Lembaga.

[16] Mahkamah ini mempunyai keterangan bersumpah daripada Lembaga bahawa Lembaga adalah pihak yang sebenarnya membuat Perintah-perintah Penahanan.

[17] Jelas daripada permohonan-permohonan yang telah difailkan oleh Pemohon-pemohon bahawa Pemohon-pemohon tidak menamakan pihak yang telah membuat Perintah Penahanan yang dicabar oleh Pemohon-pemohon.

[18] Juga jelas daripada permohonan-permohonan yang difailkan oleh Pemohon-pemohon bahawa dalam menamakan Responden 1, Pemohon-pemohon telah menamakan pihak yang salah.

[19] Berdasarkan isu ini sahaja, permohonan-permohonan Pemohon-pemohon boleh ditolak.

Suratcara-suratcara bagi setiap kes

[20] Suratcara-suratcara bagi Kes 8:

- (a) Kandungan 1: Notis Usul bertarikh 7.6.2020
- (b) Kandungan 2: Afidavit Mani Arasan a/l Ganesan diikrarkan pada 7.6.2020
- (c) Kandungan 5: Afidavit Jawapan Dato' Abdul Razak Bin Musa diikrarkan pada 23.6.2020
- (d) Kandungan 6: Afidavit Jawapan Noor Syafina Binti Mohd Radzuan diikrarkan pada 8.7.2020
- (e) Kandungan 7: Afidavit Jawapan Deputy Superintenden Polis Zuraidah Binti Samsudin diikrarkan pada 7.7.2020
- (f) Kandungan 8: Afidavit Jawapan Asisten Superintenden Polis Mohammad Fairus Bin Baharom diikrarkan pada 29.6.2020
- (g) Kandungan 9: Afidavit Jawapan Inspektor Polis Muhammad Najmi Izzuddin Bin Che Ghani diikrarkan pada 29.6.2020
- (h) Kandungan 10: Afidavit Jawapan Saiful Bin Mohamad diikrarkan pada 3.7.2020
- (i) Kandungan 11: Afidavit Jawapan Harun Bin Musa diikrarkan pada 5.7.2020
- (j) Kandungan 12: Afidavit Jawapan Shahrill Ramdhan Bin Abd. Hamid diikrarkan pada 30.6.2020
- (k) Kandungan 13: Afidavit Jawapan Mohd Amirul Bin Asraf diikrarkan pada 3.7.2020
- (l) Kandungan 14: Afidavit Jawapan Koperal Paramasivam a/l Batumalai diikrarkan pada 3.7.2020

[21] Suratcara-suratcara bagi Kes 9:

- (a) Kandungan 1: Notis Usul bertarikh 7.6.2020
- (b) Kandungan 2: Afidavit Nagethren a/l Sathivelan diikrarkan pada 7.6.2020
- (c) Kandungan 5: Afidavit Jawapan Dato' Abdul Razak Bin Musa diikrarkan pada 23.6.2020
- (d) Kandungan 6: Afidavit Jawapan Deputy Superintenden Polis Zuraidah Binti Samsudin diikrarkan pada 7.7.2020
- (e) Kandungan 7: Afidavit Jawapan Inspektor Polis Muhammad Najmi Izzuddin Bin Che Ghani diikrarkan pada 29.6.2020
- (f) Kandungan 8: Afidavit Jawapan Saiful Bin Mohamad diikrarkan pada 3.7.2020
- (g) Kandungan 9: Afidavit Jawapan Harun Bin Musa diikrarkan pada 5.7.2020
- (h) Kandungan 10: Afidavit Jawapan Shahrill Ramdzan Bin Abd. Hamid diikrarkan pada 30.6.2020
- (i) Kandungan 11: Afidavit Jawapan Mohd Amirul Bin Asraf diikrarkan pada 3.7.2020
- (j) Kandungan 12: Afidavit Jawapan Koperal Paramasivam a/l Batumalai
- (k) Kandungan 13: Afidavit Jawapan Asisten Superintenden Polis Mohammad Fairus Bin Baharom diikrarkan pada 29.6.2020

(1) Kandungan 14: Afidavit Jawapan Hafizah Binti Abdul Hamid diikrarkan pada 26.6.2020

[22] Di dalam afidavit-afidavit sokongan kepada Lampiran 1 (Lampiran 2 dalam Kes 8 dan Lamiran 2 dalam Kes 9), Pemohon-pemohon telah membangkitkan beberapa isu untuk mencabar kesahihan Perintah-perintah Penahanan.

[23] Bagaimanapun, di dalam hujahan bertulis dan hujahan lisan oleh Pemohon-pemohon, mereka telah menghadkan cabaran mereka kepada hanya 2 isu sahaja. Oleh itu, Pemohon-pemohon didapati telah “abandon” isu-isu lain.

[24] 2 isu tersebut adalah seperti berikut:

Isu 1: Sama ada Pemohon-pemohon dibawa ke Mahkamah untuk mendapatkan reman selepas 24 jam Pemohon-pemohon ditangkap

Isu 2: Sama ada pengatahan-pengatahan fakta yang menjadi asas Perintah-perintah Penahanan adalah jelas atau kabur

Analisis oleh Mahkamah

[25] Isu 1: Sama ada Pemohon-pemohon dibawa ke Mahkamah utk mendapatkan perintah reman selepas 24 jam Pemohon- pemohon ditangkap.

Fakta-fakta material bagi Kes 8:

[26] Pada 4.9.2019, Pemohon dalam Kes 8 telah ditangkap oleh polis.

[27] Pada 5.9.2019, Pemohon dalam Kes 8 telah dikemukakan di hadapan Majistret Tuan Shazali bin Hidayat. Mahkamah Majistret telah keluarkan waran untuk menahan Pemohon selama 21 hari dari

5.9.2019 hingga 25.9.2019.

[28] Kejadian dan butir-butir di atas didapati daripada dokumen-dokumen semasa iaitu Ekshibit “NSMR-1” dan Ekshibit “NSMR-2” kepada Lampiran 6.

[29] Dakwaan Pemohon bahawa pernyataan bertulis oleh polis (s. 4 Akta Pencegahan Jenayah 1959) tidak dikemukakan oleh Responden-responden tidak bermerit apabila Lampiran 6 perenggan 10 dan dokumen semasa iaitu Perintah Reman bertarikh 5.9.2019 (Ekshibit “NSMR-2” di Lampiran 6) diteliti.

Fakta-fakta bagi Kes 9:

[30] Pada 4.9.2019, Pemohon dalam Kes 9 telah ditangkap oleh polis.

[31] Pada 5.9.2019, Pemohon dalam Kes 9 telah dikemukakan di hadapan Majistret Tuan Shazali bin Hidayat Shariff. Mahkamah Majistret telah mengeluarkan waran untuk menahan Pemohon selama 21 hari dari 5.9.2019 hingga 25.9.2019.

[32] Kejadian dan butir-butir di atas didapati daripada dokumen-dokumen semasa iaitu Laporan Polis (Ekshibit “NSMR-1” di Lampiran 6) dan Perintah Reman (Ekshibit “NSMR-2” di Lampiran 6).

[33] Dakwaan Pemohon bahawa pernyataan bertulis oleh polis (s. 4 Akta Pencegahan Jenayah 1959) tidak dikemukakan oleh Responden-responden tidak bermerit apabila Lampiran 6 perenggan 10 dan dokumen semasa iaitu Perintah Reman bertarikh 5.9.2019 (Ekshibit “NSMR-2” di Lampiran 6) diteliti.

[34] Pemohon-pemohon berhujah bahawa tiada maklumat mengenai mahkamah yang terlibat, majistret yang terlibat, tarikh bila

permohonan reman didengar dan apakah tempoh reman.

[35] Jawapan kepada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Pemohon-pemohon adalah seperti berikut:

Mahkamah: Mahkamah Majistret Shah Alam

Nama Majistret: Tuan Shazali bin Hidayat Shariff

Tarikh permohonan didengar: 5.9.2019

Berapa hari reman: 21 hari (dari 5.9.2019 hingga 25.9.2019)

[36] Jelas daripada di atas bahawa dakwaan Pemohon-pemohon bahawa mereka dikemukakan di Mahkamah Majistret selepas 24 jam adalah tanpa asas.

[37] Isu 2: Sama ada pengataan-pengataan fakta yang menjadi asas Perintah-perintah Penahanan adalah jelas atau kabur

[38] Berkenaan isu ini, Pemohon-pemohon berhujah bahawa berdasarkan preamble Akta Pencegahan Jenayah 1959, perkataan-perkataan "*prevention of crime*" di dalam Preamble itu menjurus kepada aktiviti jenayah yang dilakukan oleh ahli kumpulan.

[39] Pemohon-pemohon juga berhujah bahawa pernyataan-pernyataan fakta mesti dengan jelas menyatakan bahawa, antara lain, yang Pemohon telah melakukan kesalahan pembunuhan dan kecederaan sebagai seorang dari ahli kumpulan.

[40] Preamble Akta Pencegahan Jenayah 1959 menyatakan seperti berikut:

"An Act to provide for the more effectual prevention of crime throughout Malaysia and for the control of criminals, members of secret societies, terrorists and other undesirable persons, and

for matters incidental thereto.”

[41] Mahkamah ini mendapati bahasa yang digunakan di dalam Preamble Akta Pencegahan Jenayah 1959 adalah jelas dan tidak kabur.

[42] Mahkamah ini juga mendapati tiada di mana-mana di dalam Preamble yang menyokong hujahan Pemohon-pemohon bahawa “*prevention of crime*” menjurus kepada aktiviti jenayah yang dilakukan oleh ahli sesuatu kumpulan.

[43] Daripada suratcara-suratcara yang telah difailkan oleh Responden-responden, Lembaga telah membuat Perintah-perintah Penahanan berdasarkan Perenggan 2, Bahagian 1, Jadual Pertama Akta Pencegahan Jenayah 1959.

[44] Perenggan 2, Bahagian 1, Jadual Pertama Akta Pencegahan Jenayah 1959 memperuntukkan bahawa:

“2. Persons who belong to or consort with any group, body, gang or association of two or more persons who associate for the purposes which include the commission of offences under the Penal Code.”

[45] Mahkamah ini telah meneliti pernyataan fakta di dalam kedua-dua kes. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh Pemohon adalah terlibat sebagai anggota kumpulan seramai 2 orang atau lebih yang bersekutu.

[46] Jelas bahawa pernyataan-pernyataan fakta dan Perintah-perintah Penahan memenuhi peruntukan Perenggan 2, Bahagian 1, Jadual Pertama Akta Pencegahan Jenayah 1959.

[47] Perkataan-perkataan “*Persons who belong to or consort with any group, body, gang or association of two or more persons who associate for the purposes which include the commission of offences*

under the Penal Code” cukup luas untuk melibatkan, di dalam kes ini, Pemohon dan seorang lagi.

[48] Kesalahan membunuh, merosakkan harta benda dan menyebabkan kecederaan sememangnya kesalahan-kesalahan di dalam Kanun Keseksaaan. Mahkamah ini mendapati bahawa Perenggan 2, Bahagian 1, Jadual Pertama Akta Pencegahan Jenayah 1959 telah dipenuhi.

[49] Hujahan Pemohon-pemohon bagi Isu 2 ini tertumpu kepada Perenggan 1(ii), Bahagian 1, Jadual Pertama Akta Pencegahan Jenayah 1959. Hujahan Pemohon-pemohon tidak mengambil kira keterangan bersumpah Lembaga bahawa Lembaga telah membuat Perintah-perintah Penahanan berdasarkan Perenggan 2, Bahagian 1, Jadual Pertama Akta Pencegahan Jenayah 1959.

[50] Hujahan Pemohon-pemohon bersandarkan Perenggan 1(ii), Bahagian 1, Jadual Pertama Akta Pencegahan Jenayah 1959 adalah hujahan yang tersalah faham (*misconceived*).

[51] Mahkamah ini dapati bahawa berdasarkan di atas, tiada merit di dalam hujahan Pemohon-pemohon bagi Isu 2.

Keputusan Mahkamah

[52] Pada 9.12.2020, Mahkamah ini telah menolak Lampiran 1 bagi Kes 8 dan juga telah menolak Lampiran 1 bagi Kes 9.

Bertarikh: 29 JANUARI 2021

(MAIDZUARA MOHAMMED)

Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Melaka

KAUNSEL:

Bagi pihak pemohon - Andrew Lourdes & Cassian Anthony; T/n Andrew & Associates

No. 5595, Taman Ciptaco

Jalan Ayer Keroh

75450 Melaka

[Ruj: AA/1713/19CRLIT]

Bagi pihak responden - Shahidah Nafisah Lema & Siti Hajar Mat Radzi, Peguam Persekutuan; Pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian Dalam Negeri

Aras 5, Blok 01, Kompleks D

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62546 Putrajaya

[Ruj: KDN.PUU(AP J)030-8/49/20]

Kes-kes yang dirujuk:

Majlis Perbandaran Pulau Pinang v. Syarikat Bekerjasama-sama Serbaguna Sungai Gelugor Dengan Tanggungan [1999] 3 CLJ 65

Sumita Development (M) Sdn Bhd v. Majlis Perbandaran Pulau Pinang & Anor [2014] 9 CLJ 406

Sumita Development (M) Sdn Bhd v. Majlis Perbandaran Pulau Pinang & Anor [2016] 1 LNS 414

Perundangan yang dirujuk:

Akta Pencegahan Jenayah 1959, ss. 4, 19A(1), Jadual Pertama

Akta Mahkamah Kehakiman 1964, s. 25